

Persisi rancang pelajaran silat yg sistematis utk tarik lain kaum

5 MAY 1978

PERSATUAN Silat Singapura (Persisi) sedang berusaha untuk membuat satu sukatan mata pelajaran silat agar ia dapat menarik lebih ramai anggota bukan Melayu mempelajarinya.

"Ini adalah rancangan yang sedang kami jalankan untuk mengembangkannya seni silat di Republik ini agar ia dapat menarik lain-lain kaum mempelajarinya," kata setiausahanya, Encik Johari Urip semalam.

Kebosanan

Dia percaya dengan adanya mata pelajaran yang sistematis, kelicinan pelajaran dapat dijalankan untuk semua silat dan "menjadikan latihan silat tidak merupakan satu perkara yang membosankan."

pencaik silat

Oleh SUMADI SARKAWI

Ketika ini, dia menjelaskan, tidak ada satu sukatan yang lengkap yang diikuti oleh jurulatih - jurulatih untuk mengajar seni silat ini.

Masing-masing jenis silat dan pertubuhan mengadakan cara pelajaran yang berlainan antara satu dengan lain.

"Oleh kerana ini, satu penyelerasan tidak terdapat dalam pengajaran silat dan mungkin ini yang menyebabkan timbulnya kebosanan dalam mengikuti pelajaran silat oleh beberapa orang penuntut," dia menjelaskan lagi.

Dan kerana ini jugalah, payah bagi seni silat menarik ahli-ahli bukan Melayu untuk mempelajarinya "walaupun ada beberapa buah badan yang berjaya menarik sebahagian kecil penuntut bukan Melayu."

"Tetapi beberapa orang penuntut bukan Melayu

ini sering menarik diri selepas menjalani beberapa latihan dengan alasan bahawa latihan adalah terlalu keras dan membosankan.

"Timbulnya perkara yang membosankan dalam latihan ini mungkin kerana badan yang menganjurkan silat itu tidak mempunyai sistem pelajaran yang betul.

Jasmani

"Oleh kerana ini, kami akan berusaha untuk mengadakan satu sukatan mata pelajaran untuk seni silat agar ia lebih menarik dan dapat diikuti oleh semua kaum," dia menerangkan.

Encik Johari juga mengatakan sejauh ini, hanya sebilangan kecil saja orang bukan Melayu yang menyertai latihan silat seperti dengan kumpulan Al Hak.

Katanya latihan silat yang diajarkan kepada orang - orang bukan Melayu merupakan sejenis sukan dan lebih menumpukan kepada jasmani dan bukannya kerohanian.

Omar Din sanggup

ubat anak jantung berlubang

14 MAY 1978
Berita Minggu
KUALA LUMPUR, Sabtu — Mahaguru Pertubuhan Seni Silat Lincah Malaysia, Haji Omar Din, bersedia mengubati sakit jantung berlubang Ungku Mohshen Ungku Mohammed Monel, 2½ tahun.

Beliau sanggup mengubati penyakit kanak-kanak tersebut dengan rawatan secara tradisional.

"Saya harap dapat menghubungi ayahnya, Ungku Mohammed Monel di rumahnya di Johor Bahru untuk menguruskan perkara itu," katanya.

Ayahnya, Ungku Mohammed Monel memerlukan \$7,000 diperlukan untuk merawat anaknya di luar negeri.

Mesyuarat Agung

18 MAY 1978
PERSATUAN Islam dan Pencaksilat Singapura akan mengadakan mesyuarat agung yang ke-10 mulai 10.00 pagi pada 22 Mei ini bertempat di Madrasah Al Maarif Al Islamiyah, Ipoh Lane.

Majlis itu terbuka hanya kepada ahli-ahli Perpensis dan para ahli yang belum menerima surat undangan tetap dipersilakan hadir.

Persisi anjur Pesta Silat Kebangsaan

pencaik silat
PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) akan menganjur Pesta Silat Kebangsaan ke-3 pada 29 dan 30 Julai akan datang. Pesta itu yang dijangka akan mendapat sambutan yang baik dari anggota-anggota kerabat Persisi akan dibahagikan ke dalam empat bahagian.

Bahagian Tunas Pendekar adalah bagi yang

berusia dari lapan hingga 13 tahun; Bahagian Pendekar Muda dari 13 hingga 18 tahun; Bahagian Pendekar bagi yang berusia 18 tahun dan lebih; dan Bahagian Serikandi bagi peserta-peserta wanita.

Borang-borang permohonan telahpun diedarkan dan boleh didapati dari Persisi. Tarikh penutup permohonan adalah pada 7 Julai ini.